

Hanya perlu berunding dengan TPM, bukan memaki-hamun - Anwar

Peruntukan: Sokong kerajaan bukan syarat

Oleh OMAR ZIN
omar.zin@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, beliau tidak pernah meletakkan syarat kepada mana-mana ahli Parlimen supaya mengisytiharkan sokongan kepada kerajaan jika mahu mendapatkan peruntukan.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, beliau hanya meminta pihak pembangkang untuk mengadakan rundingan dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof tetapi setakat ini belum ada perundingan rasmi dilakukan.

“Saya tegaskan semula, soal peruntukan tidak usah dipan-

jangkan, runding dengan baik dan tidak ada syarat ketat. Saya dengar kempen-kempen maki-hamun saya, ini Perdana Menteri tak guna, dia minta sokong dia baru dia bagi peruntukan. Saya tak pernah sebut begitu.

“Saya kata bincang dengan Timbalan Perdana Menteri kedua seperti mana kami bincang

tatkala Bera (Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob) menjadi Perdana Menteri dan Kota Bharu jadi ahli perundingannya, dia lupa semua itu,” katanya ketika Sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) di Dewan Rakyat semalam.

Bersambung di muka 3